

# KUIZ PELABURAN PNB 2011: UMS RAIH TEMPAT KETIGA



Sekolah Perniagaan & Ekonomi (SPE) telah menyertai pertandingan kuiz pelaburan anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 10 – 13 Disember 2011 bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM). Pasukan UMS diwakili oleh Ferdinand Joseph Galais (HE06), Tan Hwee Sin (HE06) dan Chong Khin Chung (HE09) dan diiringi oleh pensyarah pengiring Cik Dg Safrina Ag Budin. Secara amnya, pertandingan ini bertujuan memberi pendedahan & pendidikan mengenai perkaitan antara risiko & pulangan dari pelaburan dengan berteraskan pelaburan jangka panjang untuk strategi jangka panjang dan menguji pengetahuan tentang isu-isu, istilah dan perkembangan semasa dunia pelaburan, ekonomi dan kewangan di samping menekankan

manfaat menyimpan dan melabur dan kepentingannya dalam perancangan kewangan peribadi dan keluarga. Sebanyak 30 universiti menyertai peringkat separuh akhir dan hanya 4 universiti terbaik mara ke peringkat akhir iaitu universiti SUNWAY, universiti CURTIN, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Johan pertandingan kuiz PNB menerima RM8000 dan piala iringan dimenangi oleh universiti SUNWAY. Universiti CURTIN mendapat tempat kedua dengan menerima RM5000 serta piala iringan. UMS mendapat tempat ketiga dengan menerima RM3000 dan piala iringan dan tempat keempat disandang oleh UMT dengan mendapat RM2000 dan piala iringan.